

## **BAB 1**

### **PENGENALAN PROJEK**

Organisasi menjadi lebih efisien dan berdaya saing apabila dapat menggunakan memori terkumpul dalam bentuk data, maklumat, dan pengetahuan terhadap masalah yang harus ditangani. Organisasi yang tidak efisien pula akan melakukan proses, dan kajian yang sama berulang kali. Maka, pentingnya di sini dalam memastikan pengetahuan, maklumat dan data boleh dicapai oleh individu yang betul, dan pada masa serta tempat yang sesuai.

Secara ringkasnya projek ini dibangunkan bagi mengenalpasti rangka kerja yang terlibat dalam melaksanakan memori organisasi. Di samping itu, melakukan pemilihan rangka kerja yang sesuai dilaksanakan untuk diadaptasi pada kajian kes di Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat (FSKSM). Seterusnya, membina sebuah prototaip yang menjurus kepada penyimpanan dan pengurusan kurikulum fakulti.

#### **1.1 Pengenalan**

Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat (FSKSM) merupakan salah satu fakulti atau boleh dianggap sebagai organisasi di dalam Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Bisnes utama bagi FSKSM ini ialah perkhidmatan dan

pembelajaran. Pelbagai maklumat perlu diuruskan, ini termasuk pengurusan akademik seperti penasihat akademik, projek sarjana muda, kurikulum, pendaftaran matapelajaran, dan banyak lagi.

Fokus utama di sini ialah dari segi pengurusan data-data, maklumat serta pengetahuan yang merupakan harta intelek fakulti. Setiap tahun, berlaku pertambahan dan pertukaran pelajar serta staf. Akibatnya, timbunan dan perubahan harta intelek ini berlaku tanpa digunakan dengan sewajarnya. Malah, secara tidak sedar, fakulti kehilangan hartanya apabila data-data ini tidak dapat dikesan. Kerugian yang dialami ini akan memberi kesan ke atas kualiti dan perkembangan fakulti secara tidak langsung.

Data, maklumat dan pengetahuan adalah amat diperlukan oleh mana-mana organisasi. Ia membentuk memori yang menjadi salah satu aset utama bagi organisasi. Pelbagai teknik capaian terhadap aset ini boleh dilaksanakan, antaranya ialah pembacaan, komunikasi antara individu, dan kepekaan terhadap persekitaran. Namun apa yang penting di sini ialah bagaimana organisasi mencapai dan menggunakan data, maklumat dan pengetahuan dengan efektif?

Spekulasi mengenai zaman maklumat atau "*information age*" telah menjadi popular pada suatu masa, bukan sahaja kepada para ilmuan yang taksud terhadap era baru yang bersejarah, malah pengarang buku serta pelbagai organisasi yang ingin menjadi peneraju. Daya impak yang diberikan oleh teknologi maklumat ke atas organisasi sudah tidak dapat dinafikan. Teknologi maklumat menjadi perkakas penting, manakala korporat intelek telah diangkat menjadi kunci utama kejayaan bagi firma kini.

Kini, kita telah masuk ke era pembelajaran atau "*learning edge*" yang telah memberi kesan besar terhadap perubahan sesebuah organisasi ke arah berasaskan pengetahuan (*Knowledge Based Company*). Perubahan ini sebenarnya tidak memberi beban kepada pekerja malah ia memberi nilai tambahan kepada individu dan organisasi secara tidak langsung. Ini berlaku apabila bekerja dan belajar pada masa yang sama. Pembelajaran dan pengetahuan ini merupakan perkara asas dalam membentuk memori organisasi.

Penerangan terperinci berkaitan memori organisasi ini akan dibincangkan dalam bab 2.

## 1.2 Latarbelakang Masalah

Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat (FSKSM) merupakan di antara fakulti yang mempunyai bilangan pelajar dan pensyarah yang ramai. Oleh yang demikian, pelbagai data, maklumat dan pengetahuan telah dijana dan diperolehi setiap tahun. Namun masih tiada teknik terbaik yang dapat diimplementasikan bagi membantu untuk menguruskan aset utama fakulti ini.

Terdapat dua jenis ilmu yang boleh diperolehi; iaitu daripada data fizikal (seperti tesis, buku, nota dan hasil kajian pensyarah) yang telah dikumpulkan secara tampak, dan yang kedua ialah ilmu tidak langsung yang tidak direkod atau disimpan secara fizikal tetapi tersimpan di minda individu (pemikiran). Apa yang pasti, tiada sebuah sistem pun yang menyimpan semua jenis maklumat ini secara teratur dan dapat diguna pakai pada bila-bila masa yang dikehendaki.

Berikut merupakan beberapa senario yang berlaku di FSKSM melibatkan kelemahan fakulti akibat tiada penyimpanan memori yang baik.

### **-Senario 1-**

*“Pelajar A memilih untuk mendaftar mata pelajaran yang ditawarkan oleh jabatan Sistem Maklumat (berdasarkan pengkhususan beliau) sahaja walaupun diberi peluang untuk mengambil 2 subjek yang ditawarkan oleh jabatan lain. Ini berikutan tiada maklumat lengkap mengenai mata pelajaran jabatan lain dan ini akan menghadkan keupayaan intelek serta peluang ilmu yang boleh diperolehi. Alasan lain, beliau hanya mendaftar subjek dengan pensyarah pilihan atau yang telah dikenali sahaja.”*

### **-Senario 2-**

*“Setiap semester pelbagai tajuk tesis telah dicadangkan oleh pelajar sarjana muda sebagai syarat lulus pengajian. Akibatnya pertimbunan tesis berlaku apabila tiada pengurusan maklumat yang teratur. Pelajar telah memilih tajuk-tajuk yang hampir sama dengan senior mereka yang lepas. Lantas, berlaku kajian tesis yang berulang sehingga hilang mutu tesis seterusnya kualiti sarjana muda tersebut dalam nilai yang boleh dikomersilkan.”*

Kehilangan aset penting ini berlaku apabila penyingkiran pekerja, kematian, perubahan tempat, perpindahan pelajar (tamat pengajian) dan macam-macam lagi. Oleh yang demikian, data, maklumat dan pengetahuan ini tidak dapat diperolehi apabila diperlukan. Malah, pembaziran masa, wang dan tenaga berlaku apabila tugas, kajian serta pencarian maklumat terpaksa dilakukan berulang kali. Tambahan pula, tiada perkongsian maklumat dan pengetahuan di kalangan individu dalam komuniti FSKSM maka kurangnya aplikasi ilmu yang dapat dijana.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

“Bagaimana rangka kerja memori organisasi ini membantu FSKSM dalam membantu pengurusan maklumat sebagai aset fakulti?”

- a) Bagaimana rangka kerja memori organisasi dapat dilaksanakan?
- b) Apakah perkaitan di antara pembelajaran organisasi dan pengurusan pengetahuan terhadap pembentukan memori organisasi?
- c) Apakah bentuk rangka kerja memori organisasi yang sesuai dalam membantu persekitaran pembelajaran organisasi dan boleh diadaptasikan kepada FSKSM?
- d) Apakah elemen yang perlu dimasukkan dalam sistem maklumat memori organisasi?
- e) Bagaimana IS/IT dapat menyokong memori organisasi ini?

#### 1.4 Objektif Projek

Objektif bagi projek ini dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Untuk mengenal pasti rangka kerja memori organisasi yang boleh diaplikasikan dan sesuai untuk FSKSM.
- b) Untuk mengenal pasti maklumat yang diperlukan bagi memori FSKSM
- c) Untuk membangunkan sebuah prototaip sistem maklumat memori organisasi (OMIS) bagi FSKSM, khususnya untuk bahagian Pengurusan Akademik.
- d) Untuk mengenal pasti individu yang bertanggungjawab terhadap memori FSKSM.
- e) Merumuskan strategi organisasi bagi mengimplementasi OMIS di FSKSM.

#### 1.5 Skop Projek

- a) Membuat kajian terhadap aktiviti Pentadbiran Akademik sahaja dan tidak termasuk unit Sumber Manusia di Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat (FSKSM).
- b) Implementasi bagi OMIS adalah bagi kurikulum yang telah diluluskan sahaja.
- c) Pengetahuan tak nyata (*tacit*) adalah terhad kepada diskusi bersama pensyarah berkaitan kurikulum FSKSM.

## 1.6 Kepentingan Projek

Kepentingan projek ini lebih merujuk kepada kepentingan memori organisasi itu sendiri. Kebijaksanaan otak manusia tidak terletak pada minda individu, tetapi pada minda sekumpulan manusia yang berinteraksi. Kebiasaannya, pembahagian yang berlaku dalam minda individu dengan bahan artifak iaitu sistem memori berfungsi dengan baik. Ini adalah kerana, maklumat yang diperlukan terletak dalam pemikiran (kepala) individu itu sendiri. Tetapi, bagi sekumpulan manusia, tidak terdapat satu kepala yang boleh mengawal semua maklumat yang ada.

Oleh yang demikian, organisasi pembelajaran adalah lebih penting berbanding pembelajaran secara individu. Pengetahuan merupakan aset utama bagi organisasi berpengetahuan. Memori organisasi pula, merupakan pertambahan kepada aset tersebut dengan mengambil, melakukan penyusunan semula, menyebarkan serta menggunakan pengetahuan yang dicipta. Malah menyediakan peluang untuk menjadi organisasi intelek dengan aplikasi teknik organisasi pembelajaran (OL).

Unit yang terlibat dalam pelaksanaan projek ini adalah FSKSM, iaitu bidang pengurusan akademik sahaja. Perubahan silibus dalam kurikulum fakulti menyebabkan kekeliruan di kalangan pelajar, dan juga pensyarah. Malah, maklumat kurikulum tersebut sukar untuk dikumpulkan dan dicapai semula. Selain itu, perlambakan tesis yang berlaku setiap semester dan setiap tahun di FSKSM telah menyebabkan fakulti terlalu daif terhadap harta intelektualnya (ilmu iaitu harta yang tidak boleh dihitungkan dengan nyata).

Sekiranya, wujud sebuah memori atau peti simpanan yang dapat menyimpan serta menguruskan semua maklumat akademik ini, maka harta intelek fakulti akan lebih terpelihara. Malahan, ia dapat diguna pakai pada bila-bila masa di samping membenarkan persekitaran pembelajaran yang cemerlang.

## **1.7 Rumusan**

Kesimpulannya, bab ini menerangkan secara ringkas permasalahan yang dihadapi iaitu di lokasi kajian kes; Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat. Seterusnya, tujuan dan skop bagi keseluruhan projek ini dikenal pasti. Perbincangan awal terhadap kepentingan memori organisasi sebagai langkah penyelesaian demi memelihara harta intelek FSKSM. Namun perbincangan yang lebih mendalam mengenai kajian literatur memori organisasi dan peranan teknologi maklumat (IT) untuk menyokongnya boleh didapati dalam bab 2.